

01 MAY 2002

PBEC-IGM/I

KESELAMATAN, GLOBALISASI DAN CHINA -- ISU UTAMA MESYUARAT PBEC

Oleh : Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Pelbagai isu seperti dimensi keselamatan pertumbuhan ekonomi, perkembangan baru dalam liberalisasi perdagangan dan pelaburan serta kemunculan China sebagai kuasa ekonomi yang kuat merupakan antara isu utama perbincangan Mesyuarat Agung Antarabangsa (IGM) ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) Jumaat ini.

Mesyuarat itu yang akan berlangsung di sini juga akan membincangkan pelbagai pandangan industri, termasuk pasaran bioteknologi dan kewangan.

Pengerusi PBEC Malaysia, Tan Sri Azman Hashim, berkata tema yang dipilih untuk IGM tahun ini - Berusaha Untuk Pertumbuhan Dalam Persekitaran Yang Mencabar - mencerminkan kejadian tragik yang berlaku baru-baru ini yang telah menolak dunia ke arah kelembapan ekonomi dan cabaran dalam mencari cara terbaik untuk mengembalikannya.

"Adalah tepat pada masanya kerana baru-baru ini kita telah melalui banyak krisis, krisis Asia sendiri pada 1997-1998, kelemahan (ekonomi) dunia dan AS, kemudiannya kejadian 11 Sept, dan kini ekonomi (global) nampaknya kembali meningkat," katanya kepada Bernama dalam satu temu bual di sini.

Azman berkata kemunculan China sebagai kuasa ekonomi yang kuat dan kemasukannya ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) tentunya akan memberi kesan kepada negara-negara lain. Kira-kira 300 eksekutif tertinggi dari syarikat-syarikat utama dijangka mengutarakan pandangan mereka mengenai cabaran daripada China semasa acara yang akan berlangsung selama lima hari itu di Hotel Mandarin Oriental di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan utama perasmian IGM pada 6 Mei. Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo pula dijadualkan berucap mengenai pelaburan langsung asing di Lembangan Pasifik semasa mesyuarat berkenaan di samping kira-kira 15 menteri lain dari pelbagai negara.

PBEC merupakan persatuan antarabangsa bagi ketua-ketua perniagaan utama yang mewakili lebih 1,100 syarikat terkemuka di 20 ekonomi seluruh Pasifik, yang menguasai lebih daripada AS\$4 trilion dalam jualan global dan memberi pekerjaan kepada lebih 10 juta orang.

Anggota PBEC terdiri daripada syarikat-syarikat di 20 negara iaitu Australia, Kanada, Chile, China, Colombia, Ecuador, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Filipina, Russia, Singapura, China Taipei, Thailand dan Amerika Syarikat.

Azman berkata Malaysia, yang akan diwakili oleh kira-kira 70 peserta, berharap akan mengutarakan pandangannya khususnya mengenai globalisasi atau liberalisasi ekonomi.

"Kami biasanya mengutarakan pandangan kami bahawa ini (globalisasi) perlu diuruskan dengan baik supaya faedah dikongsi bersama antara negara membangun dan maju kerana sebaliknya yang besar dan kuat akan mendapat lebih faedah," jelas beliau.

Pada masa yang sama, beliau berkata Malaysia akan terus menangani isu perubahan kepada arkitek kewangan antarabangsa, terutamanya dari segi aliran mengawal selia kewangan dan spekulasi matawang yang dipercayai menyumbang kepada krisis kewangan Asia pada 1997-98.

Peperangan terhadap keganasan juga akan dibincangkan dan para peserta termasuk Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Setiausaha Pertahanan Negara Filipina Angelo T. Reyes dan Penasihat Keselamatan Negara kepada Presiden Bill Clinton serta profesor terkenal dalam amalan

diplomasi, Anthony Lake.

Azman berkata perbincangan PBEC IGM akan berakhir dengan kesimpulan dan cadangan mengenai bagaimana untuk memperbaiki perdagangan dan pelaburan di kawasan PBEC sama ada dengan cara serantau atau antara rantau.

Cadangan-cadangan berkenaan kemudiannya akan diserahkan kepada pertubuhan antarabangsa yang berkenaan termasuk WTO dan Apec, untuk perhatian mereka dan tindakan selanjutnya.

Azman berkata Malaysia, melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, akan membawa peserta yang berminat untuk menemui rakan perniagaan mereka di samping program lain seperti melancong.

Memandangkan syarikat-syarikat Malaysia berada pada peringkat awal menuju ke tahap global dengan hanya beberapa sahaja yang telah berjaya sehingga kini seperti Petronas, Azman berkata mesyuarat PBEC akan memberi pendedahan yang baik mengenai potensi perniagaan Malaysia yang besar kepada pemimpin perniagaan dari syarikat-syarikat multinasional.

"Kami berharap mereka yang terlibat dalam perniagaan di Malaysia akan dapat mengadakan hubungan baru dan persatuan yang baru melalui mesyuarat ini," kata beliau yang merujuk kepada peluang perangkaian yang diperolehi melalui PBEC.

Mengenai usaha-usaha PBEC untuk mendidik usahawan muda, Azman berkata ia merupakan usaha berterusan bagi pergerakan berkenaan mengadakan usahawan pelapis. Beliau berkata beliau baru sahaja mengambil alih tugas pengerusi daripada Tan Sri Basir Ismail.

PBEC, kata beliau juga meminta Pertubuhan Usahawan Muda (YEO) untuk terlibat sama dalam satu program PBEC IGM dengan menjadi hos bagi majlis makan malam di beberapa tempat makan terkenal di Bangsar untuk peserta PBEC.

Dr Mahathir juga akan menjadi hos untuk satu majlis makan malam dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir akan meraikan peserta dengan makan malam penutup.

Pada majlis itu, pertunjukkan kebudayaan akan dipersembahkan oleh artis tempatan yang akan bergabung dengan artis dari Korea Selatan, negara di mana IGM akan datang akan berlangsung.

"Kami juga berharap IGM (di Kuala Lumpur) juga akan membantu menampilkan Malaysia sebagai negara Islam sederhana yang berjaya. Ini merupakan peluang yang baik bagi kita di Malaysia untuk menonjolkan diri kita kerana kini kita mempunyai cerita baik untuk diberitahu kepada pelawat kita, kejayaan kita terutamanya dalam menangani krisis kewangan 1997-98 dengan menggunakan formula kita sendiri," katanya.

Malaysia, kata beliau, telah menunjukkan bahawa ia merupakan negara Islam sederhana yang telah menjadi salah satu daripada pengeksport utama di dunia. Menurut WTO, Malaysia merupakan satu daripada 20 negara dagangan dunia dan pengeksport terbesar ke-17.

Azman berkata Malaysia pernah menjadi pengimport modal tetapi ia mengubahkan dirinya kepada negara yang mempunyai kemampuan mengeksport modal, pelaburan, kemahiran dan kepakaran ke beberapa negara membangun di seberang laut. -- BERNAMA

AFY SHY NHD